



Dr Mohd Rosli (depan, tengah) bersama petugas UMP mempromosikan Program Jom Masuk IPT yang akan berlangsung di Kompleks Sukan UMP Gambang pada 22 dan 23 Februari ini.

UMP tuan rumah Jom Masuk IPT Zon 2

Sinar Harian (Sinar Negeri) 19/2/2020 (Rabu) m/s: 30

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadi tuan rumah program Jom Masuk IPT Zon 2 (Pahang) yang akan berlangsung pada 22 dan 23 Februari ini.

Program anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) itu memberi peluang kepada lepasan sekolah menengah, lepasan diploma dan setaraf melanjutkan pengajian di pelbagai institusi pendidikan tinggi di negara ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Profesor Ts Dr Mohd Rosli Hainin

berkata, program itu juga merupakan pusat sehenti mendapatkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi dalam negara.

Menurutnya, program kali ini turut memberi peluang kepada orang ramai mengenali pengajian program teknologi kejuruteraan yang ditawarkan UMP termasuk bidang berkaitan program Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Dr Mohd Rosli berkata, sebanyak 100 reruai disediakan kepada pempamer daripada universiti awam (UA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), politeknik, kolej

komuniti, institusi latihan kemahiran awam (ILKA) dan institusi-institusi pendidikan tinggi lain.

"Turut diadakan pameran dan demonstrasi sains dan teknologi seperti Lego Mindstorm Robot, Augmented Reality (AR) Educational Book, Social Robot (Facial Emotion Recognition) dan Kit STEM Bot," katanya.

Pelancaran Jom Masuk IPT Zon 2 (Pahang) bakal disempurnakan Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hasanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.